



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47( )  
Tarikh : 14 November 2017

## Siaran Media

Putrajaya, 14 November 2017 – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan Seminar Kebangsaan Taman Permainan Kanak-Kanak 2017 Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 *Playground Equipment* dan MS 2665:2017 *Playground Surfacing*. Tekad melaksanakan misi yang terkandung dalam Dasar Landskap Negara untuk menjana serta menggalakan pertumbuhan industri landskap yang boleh menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara

3 Berdasarkan Dasar Landskap Negara, Teras 7: Memacu Industri Landskap Negara, Strategi 7.2: Menggalakkan Pengembangan Industri Landskap, Pelan Tindakan 7.2.2: untuk menyediakan piawaian bagi produk dan kualiti perkhidmatan industri landskap. Dasar Landskap Negara merupakan panduan yang komprehensif untuk semua pihak dalam meletakkan hala tuju pembangunan landskap negara. Pelaksanaan DLN memerlukan usaha bersama daripada Kerajaan, sektor swasta dan seluruh rakyat Malaysia agar visi yang digaris dapat direalisasikan.

4. Kementerian sedar kepentingan taman permainan kanak-kanak di mana ia telah diterjemahkan menerusi **Garis Panduan Landskap Negara Taman (GPLNT)** yang telah menggariskan keperluan penyediaan taman permainan serta peralatan permainan bagi semua kategori kawasan taman rekreasi. GPLNT ini mencakupi keperluan ruang, susunatur, rekabentuk, elemen landskap lembut dan kejur bagi membangunkan sesebuah taman rekreasi yang berkualiti, berfungsi serta mampan dengan keperluan penyelenggaraan yang rendah. Pembangunan taman-taman rekreasi yang dilengkapi peralatan taman permainan kanak-kanak dilihat dapat meningkatkan perkembangan emosi, kognitif, fizikal kreativiti serta daya imiginasi.

5. Berdasarkan prinsip itu Jabatan Landskap Negara melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganjurkan seminar yang julung kali diadakan , dengan tujuan untuk memberi hebahan dan penerangan mengenai ;-

- a) MS 966:2017 - *(Revised Malaysia Standard) Playground Equipment - Safety Performance for Public Use - Specification,*
- b) MS 2665-1:2017-*(New Malaysian Standard) Playground Surfacing - Part 1:Standard Guide,*
- c) MS 2665-2:2017-*(New Malaysia Standard) Playground Surfacing - Part 2: Impact Attenuation of Surfacing Materials Within The Use Zone of Playground Equipment - Specification*

Malaysian Standards tersebut telah diluluskan pada 11 Januari 2017 kepada semua pihak yang berkepentingan. Seminar yang berlangsung selama dua hari ini dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang pemakaian dan pemilihan yang akan dibuat oleh Malaysian Standards dan seterusnya dapat memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan semua pihak berkepentingan mematuhi spesifikasi dan kehendak Malaysian Standards tersebut.

6. Persidangan seminar ini mengandungi pembentangan lima (5) ucapnama dan sebelas (11) kertas kerja yang membincangkan isu-isu semasa dan senario pembinaan taman permainan kanak-kanak mencakupi aspek keselamatan dalam pengurusan. Forum dan diskusi berkaitan Pemakaian Malaysian Standards MS 966:2017 dan MS 2665:2017 juga turut di adakan selain penyertaan pameran dari pelbagai pemain industry dan agensi yang berkaitan.

7. Dari tahun 1997 hingga 2013 sebanyak 45 buah taman awam telah dibina di seluruh Negara dengan melibatkan peruntukan sejumlah RM 500 juta. Dalam tempoh 2 tahun RMKe-11 sebanyak RM 57 juta peruntukan telah diluluskan dengan melibatkan pembangunan sebanyak 5 buah taman awam dan 38 projek Persekitaran Kehidupan. Di mana setiap taman yang dibina memperuntukkan antara RM 50,000 hingga RM 300,000 untuk dilengkapi dengan alat permainan kanak-kanak dan alat senaman riang.

8. Usahasama strategi JABATAN LANDSKAP NEGARA (JLN) bersama penganjur utama Persatuan Keselamatan Permainan Kanak-Kanak (PSAM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM) turut disokong Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri (BPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Perbadanan Putrajaya (PPj), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), SIRIM Berhad, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Persatuan Taman, Rekreasi dan Ameniti Malaysia (MyParks) dan RIS Learning Sdn Bhd berharap platform seminar ini dapat memberi pemahaman yang jelas tentang kepentingan keselamatan dalam membangunkan taman permainan kanak-kanak yang lebih selamat, selesa dan kondusif bagi pengguna taman. Ini adalah selari dengan halatuju pembangunan landskap Malaysia seperti yang terkandung di dalam Dasar Landskap Negara iaitu menjadikan **Malaysia sebuah Negara Taman Terindah Menjelang 2020**, di mana kualiti dalam penyediaan akses rekreasi awam menjadi keutamaan.

-----  
*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)